

Pemuda UMNO Pahang sokong penuh Dr. M ambilalih Pengerusi Perhubungan

KUANTAN, Rabu — Badan Perhubungan Pergerakan Pemuda UMNO Pahang hari ini menyatakan sokongan penuh terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengambil alih jawatan Pengerusi Badan itu.

Dalam kenyataannya, Ketua Pergerakan tersebut, Datuk Najib Tun Razak berkata, perlantikan Datuk Seri Dr. Mahathir itu akan memudahkan usaha-usaha untuk menenteramkan keadaan politik Pahang.

Katanya, dengan perlantikan itu, usaha seterusnya dapat dijalankan untuk mencari satu penyelesaian yang boleh menjamin kemanjapan dan keutuhan politik Pahang.

Menurutnya, Pergerakan Pemuda UMNO Negeri akan memberikan kerjasama

sepenuhnya kepada Datuk Seri Dr. Mahathir untuk meletakkan asas-asas yang kukuh kepada kepimpinan politik Pahang dan bagi menjamin pembangunan yang berterusan.

Inilah kenyataan pertama yang dikeluarkan oleh mana-mana badan UMNO di Pahang selepas Datuk Seri Dr. Mahathir mengumumkan pengambilan jawatan itu awal bulan ini.

Ia juga merupakan kali pertama Datuk Najib mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung dengan politik Pahang.

Bellau telah diberi mandat oleh ahli-ahli Badan Perhubungan Pemuda Negeri di mesyuarat pada 26 Julai lalu untuk mengeluarkan kenyataan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir menggantikan bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn yang memegang jawatan sejak 1979 bila berlaku kekecohan UMNO di Pahang.

Setakat ini, lapan bahagian UMNO di Pahang belum memberi kenyataan rasmi

Ketua-ketua UMNO Bahagian tidak dapat dihubungi untuk mendapatkan ulasan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia